

**ASAS KEUSAHAWANAN
ETR 300**


SAJI IDAMAN ENTERPRISE

DISEDIAKAN UNTUK:

EN. SAMSUDIN BIN HUSSIN

DISEDIAKAN OLEH:

ERWATY SUMARI	95580337
ADIK SALAWATI HJ. ISMAIL	95578813
AZEAN ISMARAU TAJUDDIN	95443594
FASIHATUL HUSNA ABD. RASHID	95453572
HAIRUL ANUAR MOHD NOOR	95736538
AHMAD RAMADHAN ABD. RASHIED	95515480



INSTITUT TEKNOLOGI MARA

CAWANGAN MELAKA

MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Tarikh: **3hb. Julai 1997**

Surat Tuan:

Surat Kami:

100-CM(AKA 30/7B)

Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka

Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771

Telefax: 06-563963

06-5591067

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar yang tersenarai namanya di bawah adalah pelajar-pelajar Institut Teknologi MARA, Melaka dan sedang mengikuti Kursus Diploma In Banking Studies. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai salah satu syarat bagi memenuhi keperluan matapelajaran mereka.


<u>Bil</u>	<u>Nama Pelajar</u>	<u>No. ITM</u>
1.	Erwaty Sumari	95580337
2.	Adik Salawati Hj Ismail	95578813
3.	Fasihatul Husna Abd Rashid	95453572
4.	Azean Ismarau Tajuddin	95443594
5.	Hairul Anuar Mohd Noor	95736538
6.	Ahmad Ramadhan Abd Rashied	95515480

Sehubungan dengan itu, dapat kiranya pihak tuan membantu mereka dengan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk menjayakan projek kajian mereka. Segala maklumat yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik sahaja.

Sekian, di atas perhatian dan kerjasama daripada pihak tuan kami dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,


ASMAH H. ZAINUDDIN
Ketua Kursus DIB
ITM Melaka.
b/p Provos

Diploma In Banking
Bahagian 05
Institut Teknologi Mara
KM 28 Jalan Lendu
78000 Alor Gajah
Melaka

Kepada :

En. Shamsudin B Hussin
Pensyarah ETR 300
Institut Teknologi Mara
KM 26 Jalan Lendu
78000 Alor Gajah
Melaka

Encik

LAPORAN RANCANGAN PERNIAGAAN BERKENAAN DENGAN PERUSAHAAN KERISIK SEGERA

Merujuk kepada perkara di atas seperti yang telah dimaklumkan, kami telah diarahkan untuk menyiapkan satu laporan rancangan perniagaan berkenaan dengan perniagaan seperti yang tertera di atas. Laporan ini telah disediakan mengikut arahan-arahan, tatacara dan prosedur yang telah ditetapkan.

Kami memilih perniagaan ini kerana kami berpendapat bahawa ianya mempunyai prospek yang cerah di masa hadapan dan merupakan salah satu daripada sumber pendapatan yang menguntungkan. Ini memandangkan wanita di zaman ini melakukan dua kerja serentak di mana mereka terpaksa membahagikan masa untuk kerjaya dan rumah tangga.

Oleh itu, masa amat penting bagi mereka dan produk kami ini merupakan satu alternatif untuk menjimatkan masa. Sambutan yang diberikan dijangka amat menggalakkan memandangkan pengedarannya amat meluas terutamanya di negara maju seperti Malaysia.

Tarikh penghantaran yang telah di tetapkan ialah pada 28 Ogos 1997. Justeru itu, kami menyerahkan laporan ini dan bersedia untuk memberi maklumat tambahan jika diperlukan. Kami berharap Encik akan berpuas hati dengan laporan ini.

Yang menjalankan tugas

.....

(ERWATY BT SUMARDI)

PENGURUS BESAR SYARIKAT SAJI IDAMAN

1. PENGENALAN

Produk segera ini sudah mula mendapat tempat di kalangan masyarakat maju yang sentiasa sibuk dan kesuntukan masa. Di dalam kehidupan wanita yang menjalankan 2 tugas serentak iaitu kerjaya dan rumahtangga, masa adalah amat penting.

Kerisik segera keluaran kami ini mampu memudahkan kerja-kerja penyediaan makanan. Ini kerana penyediaan ini hanya memerlukan persiapan yang minimum sahaja disamping dapat menambahkan lagi kelazatan makanan.

Tambahan pula, kerisik keluaran kami ini mengandungi campuran asli yang mudah diperolehi. Pemprosesan kerisik ini juga tidaklah terlalu sukar dan penyediaannya adalah ringkas dan cepat.

Menurut penyelidikan yang telah dijalankan, kami mendapati bahawa kebanyakan pengguna amat memerlukan produk berbentuk segera. Di samping itu, harga yang ditawarkan amatlah berpatutan. Ini menyebabkan terdapat permintaan dan penawaran yang seimbang.

Oleh itu diharapkan perniagaan Saji Idaman ini akan turut menerima keuntungan yang setimpal, sejajar dengan usaha kami untuk mendapat tempat di pasaran.